

Didik rakyat hormati institusi beraja

» Subjek berkaitan Raja, Kesultanan Melayu perlu segera diperkenal di sekolah, IPT



Antara manuskrip Melayu SIRaj 3 di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oleh Faiza Zainudin dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Subjek berkaitan Raja-Raja dan Kesultanan Melayu serta Perlembagaan Persekutuan perlu segera diperkenal di institut pengajian tinggi (IPT) serta sekolah menengah bagi mendidik rakyat menghormati institusi beraja di negara ini.

Penasihat Kerajaan Dalam Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan, Tan Sri Dr Rais Yatim, berkata jika tidak dilaksanakan, dikhuatiri bukan saja timbul kritikan terhadap institusi berkenaan malah kuasa politik dan pemerintahan dicabuli dengan Raja berada dalam keadaan tidak dapat mempertahankan diri.

Beliau berkata kerajaan harus memberi ruang terhadap usaha itu meskipun sukatan pelajaran pendidikan negara semakin padat bagi memastikan kelangsungan institusi pemerintahan beraja tetap utuh.

Katanya, cadangan itu yang dimaklumkan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin diharap dapat membendung tindakan menghina institusi raja-raja daripada menjadi semakin parah.

Sudah sampai masa

"Apa yang berlaku di Thailand membabitkan dua mahasiswanya dihukum penjara kerana menghina institusi Raja mereka harus menjadi cerminan.

"Kita mesti tegakkan sebab survival institusi pemerintahan kita berkait rapat dengan Raja dan Perlembagaan yang tidak boleh dipinda sewenang-wenang, ketiadaan panduan dan pendidikan ini akan merugikan kita nanti.

"Justeru sudah sampai masa pelajar ini diberi peluang yang jelas mengenai institusi Raja dan nilai adat serta budaya yang terkandung di dalamnya," katanya kepada media selepas menyampai ucapan bertajuk Raja sebagai Pemegang Amanah Kedaulatan

Kajian jadi khazanah

Kuala Lumpur: Kajian dalam Seminar Institusi Raja Ke-3 (SIRaj): Pemerintahan Diraja dalam Manuskrip Melayu yang mengangkat pemerintahan institusi Raja perlu didokumentasikan dalam terbitan buku kerana ia menjadi khazanah negara.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, bertitah penerbitan itu dapat menjadi bahan rujukan penting kepada generasi akan datang.

Martabatkan kedudukan Malaysia

"Generasi akan datang dapat mengetahui secara lebih jelas melalui koleksi yang dibukukan, sekali gus memartabatkan kedudukan Malaysia sebagai negara contoh yang mempraktikkan sistem Raja Berperlembagaan

"Penganjuran seminar itu ialah langkah proaktif dalam memberikan maklumat, kesedaran dan pemahaman kepada rakyat mengenai kepentingan institusi diraja supaya terus mendapat sokongan dalam teras pemerintahan negeri dan negara," katanya ketika merasmikan SIRaj III di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Bangsa Melayu sempena Seminar Institusi Raja Ketiga (SIRaj 3) di sini, semalam.

Seminar sehari bertema Mendaulatkan Pemerintahan Beraja itu disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Putra Jamalullail. Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Brig Jen Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.

Mendekatkan masyarakat

Program anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia UNIMAP bertujuan mendekatkan masyarakat dengan institusi Raja dan memberikan kefahaman mengenai peranan Raja sebagai pelindung serta benteng kepada rakyat khususnya melindungi agama Islam dan kedudukan kaum Melayu dan Bumiputera serta kaum lain.

Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan dalam seminar dihadiri 250 peserta terdiri daripada ahli akademik, cendekiawan, pegawai kerajaan dan swasta serta per-

tubuhan bukan kerajaan (NGO).

Terdahulu, Rais berkata Raja sebagai payung tamadun Melayu perlu mengambil daya utama dalam menjuarai kembali adat dan segala bersangkutan kebudayaan Melayu sebelum ia hilang ditelan zaman.

Beliau berkata pihak Diraja juga harus peka betapa pentingnya adat atau budaya Melayu itu dilindungi, dipromosi serta dikekalkan terutama aspek yang meneguhkan tamadun positif melalui bahasa dan budaya.

"Pihak berkenaan harus tampak bersama mempertahankan institusi Diraja melalui promosi dan

dukungan seni budaya termasuk adat Melayu, lambang keMelayuan, amalan pembahasaan serta pelbagai lingkaran adat yang selama ini menunjangi kehidupan bangsa Melayu.

"Jangan segan silu mempertahankan adat Melayu dan agama Islam termasuk budi sebagai elemen adat kerana jika elemen ini lemah dan diabaikan, Melayu mungkin turut lemah dan pudar tanpa identiti," katanya.

Yang turut hadir Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin dan Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof Datuk Seri Dr Md Salleh Yaapar.

Baginda turut memuji usaha Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM) UniMAP dan DBP yang memperlihatkan komitmen tinggi dalam merealisasikan seminar berkenaan.

"Kejayaan seminar bertemakan Mendaulatkan Pemerintahan Beraja ini mengambarkannya kita saling berusaha ke arah yang sama sebagaimana slogan Raja dan Rakyat Berpisah Tiada.

"Pada dasarnya, pemerintahan Diraja ialah berteraskan kuasa Raja secara mutlak dalam Kerajaan-Kerajaan Melayu lama di alam Melayu khususnya di Tanah Melayu.





Tuanku Syed Fajzuddin melihat pameran manuskrip Melayu selepas merasmikan Seminar Institusi Raja Ke-3 di Kuala Lumpur semalam.



“Institusi Diraja akan lebih mendapat perhatian terutama oleh generasi baharu sekiranya teks Sejarah Melayu dapat diketengahkan dengan lebih meluas sama ada dalam bentuk penerbitan, wacana atau seminar”

Ramlah Adam,
Sejarawan / Pengarah
Pusat Kajian Institusi
Raja Malaysia,
Universiti Malaysia Perlis

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

UCAPTAMA TAN SRI DR RAIS YATIM DI MUKA 31, 32, 33

Aspek kepemimpinan Raja kurang diketahui masyarakat

Kuala Lumpur: Sejarawan, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, kesal terhadap ahli akademik yang lebih mengkaji naskhah agung dan manuskrip Melayu dari aspek bahasa dan sastra sehingga tidak banyak kajian terhadap kepemimpinan Raja-Raja Melayu.

Ramlah yang juga Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkafa, kajian teks terhadap karya terutama *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang lebih menjurus kepada konteks sastra dan bahasa itu, menyebabkan aspek kepemimpinan berkenaan kurang diketahui oleh masyarakat.

“Institusi Diraja akan lebih mendapat perhatian terutama oleh generasi baharu sekiranya teks *Sejarah Melayu* dapat diketengahkan dengan lebih meluas sama ada dalam bentuk penerbitan, wacana atau seminar.

“Sejarah Melayu banyak menceritakan kewujudan dan perkembangan kerajaan awal sehingga kepada Kesultanan Melayu Melaka, selain adat istiadat dan sosio budaya orang Melayu,” katanya pada Seminar Institusi Raja Ke-3 (SIRaj): Pemerintahan Diraja dalam Manuskrip Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, semalam.

Sumber pensejarahan

Ramlah ketika membentangkan makalah bertajuk *Kepimpinan Diraja dalam Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu): Satu Analisis Teks* bertemakan Mendaulatkan Pemerintahan Beraja itu berkata, Sejarah Melayu menjadi sumber pensejarahan masyarakat Melayu masa lampau tetapi penceritaan dalam naskhah ini mengenai institusi Raja jelas persamaannya dengan keadaan pada masa kini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Kasri Saidon

meminta golongan sejarawan dan intelektual untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan, dokumentasi ilmiah dan fakta sejarah khususnya mengenai Kesultanan Kedah secara lebih terperinci.

“Dalam melihat kembali sejarah Kedah, terlalu banyak perkara yang masih menjadi tanda tanya sehingga membawa kepada salah faham.

“Tidak ramai mengetahui kewujudan bandar Lubuk Pusing atau Lubuk Bayu yang dibuka ketika berlangsungnya perkahwinan antara baginda Sultan Abdul Hamid dan Sharifah Seha Syed Hussin pada tahun 1892 tetapi ia lenyap selepas

beberapa ketika dan tiada catatan mengenainya tertulis dalam rekod Kerajaan Kedah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan makalah bertajuk Kesultanan Kedah: Beberapa Persoalan Yang Belum Terungkit Dalam Sejarah Negeri.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online



Nurul Nadia Zainal Abidin melihat buku "Pemerintahan Raja dan Kerajaan Perlis".

Pengunjung melihat buku pada SIRaj III di Kuala Lumpur semalam.



Petugas Dewan Bahasa dan Pustaka membuat persiapan di ruang pameran.